

Kajian Tentang Identiti Orang Cina di Malaysia dari Segi Epistemologi : Ulasan

LEE YOK FEE

ABSTRAK

Kajian identiti semakin penting kepada negara berbilang kaum, termasuk Malaysia, yang tengah menjalankan projek pembinaan bangsa. Di sini bagaimana orang Cina mengidentifikasikan diri mempunyai kesan besar ke atas isu perpaduan Malaysia kerana besar bilangan mereka dalam komposisi penduduk negara ini. Sehubungan itu, banyak kajian tentang identiti orang Cina telah dilakukan sejak pengajian tentang identiti menjadi aliran di dunia akademik sains sosial Malaysia sejak 1980-an. Tujuan tulisan ini adalah meninjau dan mengulas kajian lepas tentang identiti orang Cina di Malaysia dengan menggunakan konsep epistemologi dengan metodologinya membahagikan mereka kepada kategori mengikut sifat pengetahuan. Kebanyakan kajian itu menganalisis perubahan dan pembentukan identiti orang Cina berdasarkan perubahan tahap pembangunan sosial di Malaysia. Dua kategori tulisan itu telah diidentifikasi dan dibezakan kepada jenis pengetahuan “author-oriented” dan “actor-oriented”.

Kata kunci: Ontologi, epistemologi, metodologi, identiti Cina, pembinaan bangsa

ABSTRACT

Ethnic study is gaining importance in plural societies, including Malaysia, in their earnest effort in developing national unity and integration. How the Chinese in Malaysia identify themselves has great impact on the issue of national unity in Malaysia given the large number of them in terms of population in the country. Since the 1980s, many studies on Malaysian Chinese identity have been conducted. This paper aims to review these writings by examining their epistemology and methodology which categorise them according to the nature of knowledge. Majority of the writings analysed changes and the formation of Chinese identity based on social development in Malaysia. From them, two major categories have been identified as the “author-oriented” and “actor-oriented” types of knowledge.

Key words: Ontology, epistemology, methodology, Chinese identity, nation building

PENDAHULUAN

Hubungan antara Alam Melayu dengan Alam China telah bermula sejak abad ke-4 (Wang 1991). Pada mula-mulanya, orang Cina datang ke Alam Melayu untuk berniaga dan mempelajari agama. Bilangan mereka yang bermigrasi menjadi signifikan pada abad ke-18, khasnya semasa penjajahan British, untuk mencari rezeki. Ketika itu, mereka dianggap sebagai *sojourner* atau *hua-qiao*, berbeza daripada yang menetap di Alam Melayu sehingga hari ini. Dalam proses migrasi dan penetapan itu, identifikasi mereka mengalami perubahan besar. Perubahan itu perlu difahami demi kepentingan pembinaan bangsa dan perpaduan negara.

Sehubungan itu, banyak kajian tentang pengekalan dan perubahan identiti orang Cina di Tanah Melayu telah dilakukan sarjana sains sosial sejak tahun 1980-an. Dalam artikel ini, saya cuba mengulas secara sosiologi kajian tentang identiti orang Cina di Malaysia. Kajian itu boleh dibahagikan kepada jenis “author-oriented” dan “actor-oriented.” Sebelum itu, ingin dijelaskan alat analisis yang digunakan: epistemologi dan metodologinya.

EPISTEMOLOGI DAN METODOLOGINYA

Dalam sains sosial, hasil penyelidikan boleh dibahagikan kepada dua berdasarkan perspektif yang digunakan. Kedua-duanya mempunyai ontologi tentang fenomena sosial yang berlainan. Walaupun pembahagian itu adalah hasil daripada pemikiran falsafah logik dan pemikiran rasional, namun dianggap sebagai dua paradigma yang bertentangan. Oleh itu, konsep seperti dualiti, dikotomi, makro-mikro, agensi-struktur, individu-masyarakat dan objektif-subjektif telah dibina untuk memperkatakannya (Layder 1994). Kedua-duanya adalah juga alat analisis untuk cuba mengupas realiti sosial mengikut logik dan prosedur yang berlainan, maka yang bersifat saintifik. Pengetahuan tentang realiti sosial berdasarkan kedua-dua paradigma ini boleh dianggap sah juga kerana sifat-sifat saintifiknya.

Secara logik, paradigma yang dipegang pengkaji sains sosial akan mempengaruhi model yang digunakannya dalam membuat andaian terhadap sifat masyarakat yang dikaji. Andaian itu turut mempengaruhi cara analisisnya, cara realiti sosial itu didekati, serta cara dan alat untuk mengumpul maklumat. Yang penting adalah pengetahuan yang dianggap sebagai hasil kajian saintifik seharusnya dapat menonjolkan sifat logikal dalam hubungan antara ontologi, epistemologi, metodologi dan kaedah kajian.

Sehubungan itu, epistemologi berhubung rapat dengan ontologi. Epistemologi adalah kajian tentang pengetahuan, walhal ontologi pula adalah kajian tentang kewujudan suatu. Kedua-duanya boleh digunakan untuk memahami pembinaan pengetahuan sains sosial, memandangkan kedua-duanya tidak boleh dipisahkan, tetapi harus dihubungkan secara logik.

Andaian penyelidik ke atas sifat realiti sosial mempengaruhi pengamatan dan pengetahuannya. Ini bermakna hasil penyelidikan adalah berdasarkan bagaimana realiti sosial itu dikaji. Andaian tentang sifat sosial yang ingin dikaji itu dipengaruhi model yang ada. Di peringkat permulaan, penyelidik perlu menetapkan perspektif dan andaian yang akan digunakan. Ini diikuti pemilihan kaedah penyelidikan yang sesuai untuk mengumpul data. Urutan yang logikal itu penting untuk memastikan hasil penyelidikannya adalah saintifik dan berautoriti, maka boleh diterima dunia akademik yang mengikut prinsip *legal-rasional*.

Justeru itu, hubungan antara ontologi, epistemologi dan metodologi tidak harus dipandang berpisah, tetapi mempunyai hubungan erat. Berdasarkan rangka ini, saya akan menganalisis kajian masa lalu tentang identiti orang Cina di Malaysia dan pembentukannya. Untuk tujuan itu, saya telah membahagikan ulasan ini kepada dua kategori besar: *author oriented* dan *actor oriented*.

PENGETAHUAN IDENTITI CINA JENIS “AUTHOR-ORIENTED”

Makna pengetahuan tentang identiti Cina jenis *author-oriented* ditentukan tafsiran penyelidik sebagai *author*. Dari segi ontologi, masyarakat yang dikaji itu diandaikan terdiri daripada pelbagai bahagian yang saling berkait dan berpengaruh. Oleh sebab fokus penyelidik adalah struktur sosial, maka sifat individu pula diandaikan sebagai yang tidak berupaya, tidak berkuasa dan merupakan kolektif yang homogen. Di sini, keupayaan individu dalam menginterpretasi fenomena sosial tidak menjadi tumpuan kajian atau sumber untuk mewujudkan sesuatu pengetahuan sosial.

Dalam kajian identiti, penyelidik telah mengkaji identiti sebagai sebahagian daripada masyarakat dengan hipotesis wujudnya hubungan antara identiti dengan pemboleh ubah yang lain. Pemboleh ubah yang digunakan itu bersifat yang struktural dengan unit kajiannya merupakan bahagian dalam masyarakat seperti budaya, politik, pendidikan, agama, ekonomi dan sebagainya. Seterusnya, maklumat, fakta dan data yang berkaitan dengan pemboleh ubah itu akan dipilih dan dikumpulkan untuk membuktikan hubungan antara identiti dengan pemboleh ubah yang lain. Dengan ini, wujudnya teori menjelaskan kewujudan identiti dan perubahan identiti mengikut perubahan pemboleh ubah yang lain.

Pengetahuan yang dihasilkan itu adalah berdasarkan apa yang ditafsirkan *author* kerana kuasa kawalannya dalam membuat kajiannya. Hasil kajian itu disebut sebagai pengetahuan jenis *author-oriented*. Sepanjang yang diketahui, kebanyakan kajian masa lepas telah menggunakan rangka kerja yang bersifat makro. Berdasarkan rangka analisis ini, saya cuba mengkategorikan kajian masa lepas itu mengikut struktur yang menjadi fokus para pengkaji yang berkenaan.

IDENTITI DAN ETNIK

Tan Chee-Beng (1983, 1988a, 1988b & 2000) telah banyak mengkaji pembentukan identiti orang Cina peranakan, iaitu Baba, di Melaka. Dalam kertas kerjanya pada 1983, beliau mengkaji bagaimana Baba menyatakan identitinya dari segi budaya. Rangka pemikirannya dipengaruhi konsep *situational ethnicity* yang telah dilakukan Cohen, Barth, Nagata dan Keyes di tempat lain. Baginya, faktor yang dipentingkan dalam penyataan identiti bergantung pada jenis interaksi yang dilalui individu. Walaupun Baba sentiasa menggunakan ciri budaya untuk menyatakan dan menyembunyikan identiti mereka, Tan (1988b) dalam kajiannya menghujahkan identiti Baba adalah hasil perubahan budaya, iaitu melalui proses akulturasi. Sehubungan itu, sekalipun Baba mengidentifikasikannya sebagai orang Cina, tetapi orang Cina lain memandangnya sebagai kaum lain. Ini disebabkan orang Cina menganggap Baba lebih mirip kepada orang Melayu.

Dalam kajian Tan yang lain (1983, 1988a & 1988b), identiti dan pembentukan Baba dilihat sebagai yang dinamik dan berubah-ubah mengikut masa dan situasi dari segi ontologi. Tetapi, dari segi epistemologi, analisis Tan menonjolkan unsur budaya yang terdiri daripada pakaian, rambut, makanan dan cara memasak, agama, adat-istiadat dan bahasa sebagai sumber utama pembentukan identiti Baba. Unsur-unsur budaya itu tidak sahaja digunakan orang Cina untuk mengidentifikasikan Baba, tetapi juga digunakan Baba untuk mengidentifikasikannya sebagai orang Cina yang unik.

Dalam buku *Nation Building and Being Chinese in a Southeast Asian State: Malaysia*, Tan (1988a) cuba mengaitkan pembentukan identiti orang Cina dengan pembinaan bangsa (*nation building*) kerajaan Malaysia. Hubungan antara identiti orang Cina dengan pembinaan bangsa dilihatnya daripada tiga isu besar: bahasa dalam pendidikan, polisi sosioekonomi dan budaya kebangsaan. Dalam kajian itu, Tan mencadangkan tiga komponen utama identiti etnik: label, identifikasi objektif (seperti bahasa dan adat resam) dan identifikasi subjektif. Baginya, komponen yang terakhir itu meliputi persepsi atas diri dan juga makna menjadi orang Cina dari segi sosial dan psikologi. Hujah itu juga terdapat dalam bukunya *The Baba of Melaka* (1988b) yang menyatakan pendiriannya dalam kajian identiti etnik Baba dengan menggunakan *self-ascription* sebagai ciri utama identiti etnik. Dengan kata lain, Baba adalah orang Cina yang mengidentifikasikannya sebagai Baba. Sebagai kesimpulan, Tan membincangkan metodologi dan mengkritik pendekatan positivisme sebagai *fallacy* dan *misleading* dalam memahami perubahan identiti orang Cina dengan hanya menginterpretasikan statistik tanpa mementingkan definisi tentang identiti. Kritikan Tan dalam buku itu (1988b: 3) adalah jika hanya digunakan objektif untuk memahami identiti, maka akan timbul soalan tentang ciri-ciri yang harus digunakan untuk menghurai identiti etnik individu; sedangkan individu dalam kumpulan etnik yang sama berkemungkinan menekankan ciri-ciri budaya yang

lain sebagai simbol identiti. Baginya, objektif identiti hanya berfungsi sebagai petunjuk untuk identiti etnik dan bukannya penentu identiti etnik.

Perbincangan beliau tidak kelihatan mempertimbangkan hubungan antara ontologi dan epistemologi dengan metodologi. Baginya, jika pengetahuan yang dihasilkan *positivist* itu mengikut urutan logik, *valid* dan *reliable* datanya, maka hasilnya adalah jenis pengetahuan yang sah dan boleh yang diterima. Bezanya adalah dari sudut pandangan, cara interpretasi realiti dan alat yang digunakan untuk mengumpul data.

Tan menekankan perlunya menggunakan rangka fikiran yang holistik untuk memahami identiti etnik dengan mementingkan label, komponen objektif dan subjektif. Beliau menghujahkan komponen label adalah lebih statik berbanding dengan dua komponen yang lain: komponen objektif dan subjektif. Memang tidak dinafikan rangka fikiran holistik adalah ide yang menyeluruh. Tetapi, beliau tidak menjelaskan kekurangan yang dimaksudkan sebagai label dan mengapa ia lebih statik berbanding dengan komponen lain.

Sepanjang yang diketahui label yang dimaksudkan ahli teori sosial yang berteraskan *symbolic interactionism*, khasnya dalam *labeling theory* yang dibincangkan Howard S. Becker (Water 1994: 29-31) adalah yang tiada makna di sebaliknya, maka adalah simbol yang tidak bermakna dan tidak berfungsi. Individu sosial beraksi berdasarkan makna di sebalik label dan bukan label itu. Makna di sebalik label itu adalah berdasarkan definisi yang dikongsi individu. Dengan kata lain, ia adalah hasil konstruksi sosial. Tetapi, makna label itu dinamik kerana boleh berubah dan diubah dari masa ke masa dalam proses interaksi individu. Sehubungan itu, ia harus dilihat sebagai yang dinamik dan bukannya yang statik. Misalnya, orang Cina dilabelkan sebagai *huaqiao*. Tan menyatakan orang Cina Malaysia hari ini menolak label itu. Sepanjang yang diketahui, mereka tidak menolak label itu, tetapi ahli akademik. Sehubungan itu, Wang Gungwu (1992) membezakan konsep *huaqiao* dan *huayi* supaya dapat melihat hubungan identiti orang Cina dengan negara China dari dua jangka masa yang berlainan, iaitu pra dan pasca-merdeka Malaysia, walhal masih ada orang Cina di Malaysia tidak keberatan menggunakan perkataan *huaqiao* dalam perbualan mereka dengan orang China.

Secara keseluruhan, Tan (1983, 1988a, 1988b & 2000a) yang melihat identiti orang Cina dalam proses akulturasi itu telah memfokuskan reaksi orang Cina di Malaysia kepada faktor luaran yang mengancam identiti mereka. Baginya, faktor luaran yang kebanyakannya dalam bentuk fakta sosial itu difahami berdasarkan interpretasi dan konsepsinya tentang pentingnya digunakan pendekatan fenomenologi dan subjektiviti, sebenarnya jenis epistemologi, yang mengutamakan interpretasi dan konsepsi pelaku sosial dan bukannya interpretasi orang yang menjalankan penyelidikan.

Sarjana Malaysia lain yang juga mengkaji pembentukan identiti orang Cina di Malaysia adalah Hou Kok Chong. Pandangan Hou (2002) adalah sama dengan Tan secara ontologikal. Beliau melihat identiti dan budaya orang Cina di

Malaysia sebagai realiti sosial yang dinamik dan sentiasa berubah mengikut keadaan dalam interaksi etnik dan perkembangan politik semasa di Malaysia.

Secara epistemologi, Hou menetapkan beberapa faset untuk melihat hubungan antara identiti dengan pemboleh ubah seperti budaya, pendidikan dan politik. Menghadkan analisisnya kepada perubahan identiti orang Cina dalam ruang tersebut, Hou memecahkan perkembangan politik dan ekonomi Malaysia kepada dua peringkat masa: pra dan pasca merdeka. Untuk masa pra-merdeka, dia memperkatakan pengaruh pergerakan politik, iaitu perkembangan ideologi *reformists* dan *revolutionists* di China yang secara langsung telah mempengaruhi kesedaran identiti orang Cina di Malaysia; dan untuk masa pasca-merdeka, dia menganalisis tuntutan orang Cina berhubung status pendidikan bahasa dan budaya Cina dalam interaksi antar-etnik di bawah payung besar perubahan ekonomi dan politik menuju ke arah pembangunan yang seimbang.

Dari aspek epistemologi, pengetahuan Hou tentang pembentukan identiti orang Cina itu berdasarkan interpretasinya ke atas karya sastera. Karya yang digunakannya boleh dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, karya yang mencatatkan sejarah perkembangan budaya dan penulisan sastera Cina Malaysia. Kedua, karya sastera moden Cina yang dihasilkan penulis Cina rakyat Malaysia. Penulis Cina itu menyatakan perasaan sebagai rakyat Malaysia sama ada yang bermastautin di Malaysia atau di luar negeri, khususnya Taiwan. Hou mengkaji riwayat hidup tokoh pilihannya, termasuk Lim Lian Geok, tokoh yang terkenal dalam memperjuangkan status bahasa Cina dalam pendidikan Cina di Malaysia. Selain itu, beliau juga mendapat maklumat tentang tokoh yang dipilihnya daripada biografi yang ditulis orang lain.

Secara umum, boleh dirumuskan dari aspek epistemologi bahawa identiti orang Cina yang dibicarakan Hou adalah yang berasaskan interpretasinya ke atas tiga sumber sekunder yang utama, iaitu karya sastera daripada penulis Cina, pejuang pendidikan Cina dan juga sastera Cina di Malaysia. Sumber kajian itu adalah tidak mencukupi kerana hanya mewakili suara orang Cina dalam bidang sastera dan pendidikan ke atas pembentukan identiti dan budaya yang jauh lebih besar dan rumit. Kajian itu seharusnya meliputi bidang lain.

Dari segi metodologi, Hou telah menjalankan penyelidikan berpandukan andaiannya bahawa identiti orang Cina adalah hasil perubahan pemboleh ubah dalam bentuk struktur dan institusi sosial. Seperti yang disimpulkannya (Hou 2002: 242), identiti dan budaya orang Cina di Malaysia adalah hasil perubahan politik perkauman dan orang Cina sebagai pelaku sosial tidak mampu menentukan jenis identiti yang dikehendaki.

IDENTITI DAN POLITIK

Seterusnya, Francis Loh Kok Wah (1988 & 2000) membincangkan identiti politik orang Cina berdasarkan kajian lapangannya di Kinta, Perak, antara 1977-

78, selain kajian kes di kampung baru Cina daripada beberapa orang penyelidik lain. Loh melihat kampung baru Cina yang semakin merosot berdasarkan petunjuk seperti demografi penduduk kampung, akses penduduk kepada tanah pertanian, pendapatan, taraf pendidikan, perumahan, perkhidmatan dan bantuan kerajaan. Kehidupan kampung baru Cina yang semakin merosot telah menarik perhatian parti politik, pemerintah dan pembangkang, yang ingin membantu, terutamanya menjelang pilihan raya umum. Daripada kajiannya, Loh mendapati identiti politik orang Cina boleh beralih dari menyokong parti seperti Malaysian Chinese Association (MCA) kepada parti pembangkang seperti Socialist Front dan People's Progressive Party (PPP) pada masa itu. Hal ini disebabkan pada tafsiran penduduk Cina kampung baru, pemimpin yang sah adalah yang boleh membantu menyelesaikan masalah kehidupan kampung yang berkaitan isu sosioekonomi tempatan.

Menghurai hubungan kompleks antara identiti, kesedaran penduduk kampung baru Cina dengan kepentingan isu-isu sosioekonomi tempatan dan peralihan sokongan mereka daripada seorang pemimpin sah ke seorang pemimpin yang lain, Loh menyatakan bahawa dalam proses interaksi penduduk dengan parti politik turut membangkitkan kesedaran mereka dan membentuk identiti lain seperti kesedaran kelas dan identiti etnik. Di sini, kesedaran kelas boleh dibangkitkan melalui sosialisasi dalam kempen politik parti. Misalnya, PPP cuba menyemaikan ideologi haluan kiri melalui program kebajikan sosialnya pada 1960-an. Penglibatan penduduk dalam aktiviti politik juga menyebabkan mereka berinteraksi lebih kerap dengan orang bukan Cina dan turut meningkatkan kesedaran etnik mereka.

Loh menyatakan analisisnya boleh dibahagikan kepada peringkat makro dan mikro. Maksudnya, Loh membincangkan keadaan kampung baru Cina yang semakin merosot dari segi makro, sementara cuba memahami bagaimana penduduk kampung melihat masalah dan kesusahan mereka dan bagaimana mereka bertindak untuk menyelesaikannya dari segi mikro (2000: 269). Dengan kata lain, beliau cuba menggunakan pendekatan etnometodologi untuk membincang dan memahami tingkah laku penduduk kampung dalam melihat masalah dan menyelesaikan masalah. Walau bagaimanapun, analisis Loh tidak mengutamakan interpretasi penduduk kampung sebagai pelaku sosial, iaitu bagaimana mereka mengkonsepsikan masalah sosioekonomi mereka sebagai satu realiti sosial. Yang dibincangkannya hanya interaksi penduduk kampung dengan parti politik yang turut mempengaruhi identiti dan kesedaran mereka. Analisisnya masih bersifat makro dan bukan mikro kerana lebih berdasarkan definisi ditafsirkan oleh dirinya dan bukan berdasarkan tafsiran penduduk kampung.

Selain Loh, Fujio Hara (2003) telah meneliti transformasi kesedaran identiti, atau dalam konsep sosiologi, kecinaan orang Cina di Malaya dari *China-oriented* ke *Malaya-oriented*. Kajiannya menonjolkan proses perubahan dan pengekalannya identiti orang Cina dalam proses migrasi dari Dunia China ke Dunia Melayu

dari segi sejarah. Memberi perhatian kepada orang Cina Malaya dan hubungan mereka dengan China dari 1945 hingga 1957, Hara memperbaiki analisisnya sebelum ini dengan mengkaji faktor baru, seperti perhimpunan awam, akbar Cina, konsulat orang Cina dan polisi China ke atas *oversea Chinese* masa itu. Untuk menebus kelemahannya, Hara telah membuat analisis dengan menggunakan sumber dalam bahasa Cina, terutamanya akbar Cina agar dapat memahami dengan lebih baik perubahan identiti orang Cina dalam konteks komuniti orang Cina di Malaya.

Dalam bukunya, *Malayan Chinese and China: Conversion in Identity Consciousness 1945-1957*, Hara (2003) menyemak pengaruh politik dalam jangka masa tersebut. Beliau mendapati identiti orang Cina di Malaya berubah mengikut perubahan politik Malaya. Maksudnya, Kuomintang (KMT) dan Parti Komunis Malaya (MCP) telah memisahkan orang Cina di Malaya, tetapi telah mengeratkan hubungan mereka dengan China yang masih dianggap sebagai tanah air mereka masa itu. Pendudukan Jepun telah merangsang semangat kebangsaan dan *sense of belonging* orang Cina terhadap Malaya dan seterusnya membakar semangat kesatuan mereka.

Untuk membuktikan tahap perubahan kesedaran orang Cina di Malaya, Hara menggunakan perhimpunan awam, termasuk perayaan *Double Tenth*, penglibatan persatuan orang Cina dan parti politik sebagai kayu ukur. Baginya, kelenyapan perhimpunan untuk merayakan *Double Tenth* dan lain-lain yang berkaitan China pada tahun 1958, apatah lagi kemerosotan penglibatan persatuan orang Cina menyokong Parti Komunis di China itu adalah lambang tentang perubahan besar kecinaan di kalangan orang Cina Malaya.

Hara juga melihat perubahan kecinaan dengan mengkaji akbar berbahasa Cina masa itu. Istilah *zuguo*, negara ibunda, telah diganti dengan *guguo*, negara asal, dalam akhbar. Selain itu, menurutnya lagi, perubahan penggunaan sistem tarikh China ke sistem tarikh barat dalam akhbar, perubahan hari cuti untuk industri akhbar dan perubahan dalam jangka masa menghantar wartawan ke China juga menunjukkan rekonstruksi identiti orang Cina Malaya.

Akhirnya, Hara meneliti aspek politik dengan memberi tumpuan kepada peranan konsulat orang Cina (dari kerajaan KMT) dan juga dasar luar negara China ke atas orang Cina di seberang laut. Beliau menyimpulkan kegagalan konsulat orang Cina memenuhi kehendak orang Cina Malaya, terutamanya mempertahankan hak mereka, menyebabkan orang Cina Malaya menghulur tangan mereka kepada MCA dan seterusnya hilangnya minat mereka ke atas hal ehwal di China.

Pentingnya pengaruh dasar luar negeri kerajaan China ke atas orang Cina di seberang laut telah berkurang, terutamanya dalam memilih perwakilan ke Perhimpunan Kebangsaan Republik China pada 1948 kerana kritikan daripada kerajaan British, kaum elit Melayu, persatuan orang Cina dan juga individu. Selain itu, kepentingan dasar luar negeri daripada kerajaan China dalam pendidikan, termasuk lawatan rasmi pegawai pendidikan dan penggubalan isi

kandungan buku teks, sudah kurang memandangkan Malayanisasi berlaku masa itu. Demikian juga selepas 1956 ahli sukan daripada orang Cina Malaya tidak lagi mewakili kontinjen China dalam sukan Olimpik, tetapi sebagai kontinjen Malaya. Menurut Hara, kesemua itu adalah bukti pertukaran identiti orang Cina di Malaya.

Hara telah membekukan sifat identiti dengan mengandaikan hubungannya dengan beberapa pemboleh ubah politik sepanjang kajian tentang identiti orang Cina Malaya antara 1945-57. Secara ontologi, beliau mengandaikan individu dalam masyarakat adalah pasif. Untuk menentukan perubahan identiti, beliau memberi perhatian kepada struktur sosial dan tidak kepada agensi lain untuk memahami sifat identiti. Pada hemat saya, orang Cina Malaya sebagai pelaku sosial tidak harus dilihat sebagai mangsa yang pasif di bawah tekanan sosial dan keadaan semasa yang mendesak.

Orang Cina di Malaya telah mengalami banyak perubahan dalam tempoh 1947-1957. Pendudukan Jepun telah membawa kesan besar kepada mereka dari segi fizikal dan mental. Seterusnya, zaman dharurat telah membawa perubahan lain setelah mereka ditempatkan semula di kampung baru kerana menghadapi ancaman PKM. Sebelum Malaya merdeka, orang Cina bermasalah tentang hak kerakyatan, selain menghadapi masalah menggunakan bahasa, melaksanakan budaya dan memperkembangkan pendidikan yang dikira sebagai unsur penting dalam penegakan identiti mereka. Namun, kesemua isu itu tidak dikaji Hara, selain hakikat Cina di Malaya bukanlah homogen seperti yang dianggap Hara, tetapi heterogen sifatnya.

Sarjana lain yang mengkaji perubahan identiti orang Cina antara tahun 1945-1959 seperti dilakukan Hara adalah Chui Kwei-chiang (1990). Beliau telah membincangkan perubahan identiti orang Cina Semenanjung Malaysia dan Singapura dalam tempoh 15 tahun selepas Perang Dunia II dengan melihat perubahan identiti nasional sebagai reaksi institusi politik. Institusi politik, terutamanya persatuan politik diandaikan oleh Chui sebagai wakil orang Cina di Malaya pada masa itu. Berdasarkan bahan yang banyak, beliau meneliti persatuan politik dan ekonomi yang dianggapnya memainkan peranan penting dalam memimpin masyarakat Cina masa itu. Berdasarkan bahan sekunder, akhbar, majalah tahunan persatuan, laporan kerajaan dan tesis, beliau menganalisis reaksi dan tindak balas badan tersebut dalam konteks perubahan politik yang drastik masa itu untuk memanifestasikan identiti nasional orang Cina. Antara persatuan dan badan yang ditelitinya adalah Parti Kuomintang (KMT), China Democratic Alliance, komuniti Peranakan Cina, Parti Komunis Malaya (PKM), MCA dan Persatuan Pedagang Cina.

Chui memaparkan andaian ontologikalnya tentang sifat masyarakat kepada bahagian politik, ekonomi, media massa dan pendidikan kerana ingin melihat hubungan antara kesemua bahagian itu dalam merangsang perubahan identiti nasional orang Cina. Beliau menyimpulkan orang Cina di Singapura dan Semenanjung Malaysia dalam jangka masa 1945-1959 itu boleh dibahagikan

kepada dua kumpulan: imigran dari China (termasuk keturunan mereka) dan juga orang Cina Selat (*Straits Chinese*) atau peranakan. Kedua-dua kumpulan itu mempunyai perbezaan ketara dari latar belakang pendidikan, kepercayaan dan sistem agama, identiti nasional dan sistem nilai sosial.

Menurut Chui, perubahan identiti kedua-dua kumpulan ini boleh dilihat di tiga peringkat. Peringkat pertama, 1945-1949, ahli-ahli KMT dan China Democratic Alliance serta penyokong mereka menyatakan identiti politik mereka dengan menunjukkan ketaatan mereka kepada China, walaupun bilangan itu kecil berbanding dengan jumlah penduduk orang Cina masa itu. Majoriti imigran China dan keturunan mereka masih menganggap China sebagai negara ibunda dan menganggap mereka sebagai rakyat China, walaupun penglibatan mereka dalam aktiviti politik itu pasif. Namun, disebabkan perubahan drastik pada hubungan politik antara China dan Malaya, sebahagian orang Cina mula memberi perhatian kepada perkembangan hal-ehwal tempatan dan mula membantah dasar yang boleh menjejaskan kebajikan dan kemandirian mereka. Namun, perjuangan itu hanya untuk kepentingan orang Cina tanpa menunjukkan identiti nasional mereka dengan Malaya.

Selain itu, orang Cina peranakan dan ahli PKM dan penyokongnya pula melafazkan pendirian politik yang berlainan. Peranakan Cina telah menunjukkan taat setia mereka kepada kerajaan British justeru mempunyai status tinggi dalam masyarakat Cina. Seterusnya PKM yang agresif untuk mendirikan Republik Malaya itu tidak berkiblat ke China, tetapi mempunyai identiti politik tempatan yang kuat.

Peringkat kedua (1950-1955) adalah masa perubahan identiti nasional bagi imigran China dan peranakan Cina. Dalam masa ini, ada beberapa orang pemimpin menyedari perlunya perubahan identiti nasional orang Cina di Malaya. Menurut Chui, pembentukan MCA dengan aktivitinya itu menggambarkan perubahan itu. Selain itu, pemimpin daripada pelbagai persatuan Cina memulakan pergerakan untuk mendapatkan hak kerakyatan dan hak penyertaan politik orang Cina, walaupun tidak mendapat sambutan hangat dari orang Cina tempatan, kerana mereka tidak berminat menyertai dalam pilihan raya majlis perbandaran.

Di peringkat ketiga (1956-1959) ketika Malaya telah menuju ke kemerdekaan, kesedaran politik orang Cina sudah meningkat dengan kebanyakan mereka mengalihkan identiti nasional dari China ke Malaya. Ketika itu orang Cina agresif dalam memohon hak kerakyatan dengan semakin ramai mereka melepaskan kerakyatan China untuk menjadi rakyat tempatan. Selaras dengan perkembangan itu, semakin banyak hasil sastera telah dihasilkan berlatar-belakangkan Malaya. Menurut Chui tahun 1957 adalah permulaan sejarah baru untuk Malaya. Namun, dari segi perubahan identiti nasional orang Cina, ia hanyalah permulaan kepada perkembangan yang lain.

Dalam konteks politik, sama ada identiti orang Cina kekal atau berubah bergantung kepada keperluan semasa orang Cina, aktiviti parti politik tempatan

dan perubahan sikap taat setia setelah orang Cina membuat keputusan untuk memilih Malaya sebagai kampung halaman yang baru.

IDENTITI DAN AGAMA

Antara sarjana yang mengkaji identiti orang Cina dari aspek agama adalah Judith Nagata. Beliau telah mengkaji hubungan antara adat resam orang Cina dengan Kristian dengan kesannya ke atas identiti orang Cina di Pulau Pinang. Menurutnya, kebudayaan orang Cina tidak dapat dipisahkan dengan agama dan kepercayaan mereka (Nagata 1995: 166-197). Tetapi, agama di kalangan orang Cina berbeza-beza dari satu tempat ke satu tempat yang lain, dan dari individu ke individu. Ini bermakna agama dan budaya yang sama itu berbeza maknanya dalam pandangan orang Cina. Perbezaan itu tertakluk kepada keperluan dan keadaan, lebih-lebih lagi menurut tahap kepintaran dan pengetahuan pengamalnya. Jika diandaikan agama itu sebahagian daripada budaya, dan budaya itu berubah-ubah tanpa membawa kesan ke atas kesedaran identiti mereka, sudah pasti ada kebebasan untuk individu menguruskan hubungan antara agama dan budaya.

Setelah membuat kajian ke atas gereja dan pertubuhan yang ada kaitan dengan agama Kristian yang melibatkan orang Cina di Pulau Pinang, Nagata mendapati agama itu disebarkan melalui empat cara: pertama, melalui orang Cina keturunan penganut Kristian dari China; kedua, melalui orang Cina yang lahir dalam keluarga Kristian dan belajar di sekolah mubaligh; ketiga, orang Cina yang memeluk agama Kristian di Zaman Darurat dan keempat, mereka yang memeluk semula (*reconvert*) agama itu. Organisasi dan amalan yang dilalui keempat-empat golongan ini berbeza-beza.

Nagata juga mengkaji pengaruh adat resam dan agama Kristian ke atas identiti agama orang Cina dengan menghurai kaitan agama dengan identiti orang Cina dari enam sudut: pertama, politik yang melibatkan kepimpinan dan perekrutan; kedua, budaya yang melibatkan amalan dan perayaan; ketiga, perubatan yang melibatkan penyembuhan dan ilmu sihir; keempat, linguistik yang melibatkan bahasa Cina sebagai perantara; kelima, agama yang melibatkan agama lain, terutamanya Buddhisme, dan keenam, keluarga yang melibatkan tradisi keluarga dan hubungan persaudaraan. Dari segi epistemologi, Nagata menginterpretasikan identiti agama orang Cina sebagai yang kompleks, maka harus dikaji dalam hubungannya dengan bahagian lain masyarakat. Kesimpulannya ialah profil orang Cina Kristian tidak bersifat homogen dan bukan satu jenis sahaja (Nagata 1995: 196-198). Bagaimana seseorang Kristian memanasifestasikan identiti agamanya boleh dilakukan melalui satu himpunan yang kompleks merangkumi pekerjaan, pengkhususan, gaya hidup, persahabatan, mahupun kewajipan keluarganya.

Kepada yang tinggal di bandar, tarikan Kristianiti adalah kerana potensinya membolehkan mereka menjalin hubungan yang lebih luas. Antara yang

dimaksudkan itu adalah menjalin hubungan perniagaan, hiburan, kebajikan dan lain-lain dengan orang Cina dan orang Kristian lain di merata dunia. Bagi mereka yang menganggap diri sebagai “imigran” di tempat lahir, hubungan ini membuka alternatif kepada pilihan identiti sebagai *Overseas Chinese*. Orang Cina Kristian adalah subkumpulan khas yang sentiasa mencari jemaah orang Cina yang sesuai, baik di mana sahaja. Dengan berbuat demikian, mereka juga cuba mencari sokongan untuk meningkatkan status dan meyakinkan identiti mereka. Sebaliknya, di Malaysia dengan identiti sentiasa dilihat dalam bentuk berpolarisasi, iaitu antara Melayu-Muslim dan bukan-Melayu, budaya Cina Kristian dilihat sebagai salah satu daripada jenis yang bukan-Melayu. Orang Cina yang juga dirangkumi sebagai *people of the book*, dilihat sebagai kelainan daripada jenis orang Cina yang lebih konvensional.

Dari segi kebudayaan, komuniti orang Cina Kristian bukan yang bersifat *monolithic*. Yang bersikap “fundamentalist” mengatakan perselisihan agama baru mereka dengan kepercayaan agama tradisional itu telah membuat mereka menolak amalan budaya tradisional yang bercanggah dengan kepercayaan baru mereka. Namun, sebilangan besar orang Cina Kristian lebih suka menerima, malah mentafsir semula adat orang Cina sebagai suatu yang bukan bersifat agama, tetapi sebagai tradisi etnik dan simbol untuk *peoplehood* untuk membolehkan ritual dan perayaan tradisional orang Cina diterima dan diamalkan. Penerimaan agama baru, iaitu Kristianiti, tidak menafikan budaya dan identiti Cina, tetapi sekadar menambah faset baru ke atas profil orang Malaysia yang sudah rumit, selain membuka ruang baru kepada mereka untuk berhubung dengan komuniti dan budaya lain.

IDENTITI DAN PENDIDIKAN

Oleh sebab pendidikan dianggap penting dalam pembentukan identiti, orang Cina telah gigih membangunkan pendidikan Cina selain membasmi buta huruf di kalangan generasi muda. Pada mula-mulanya, model pendidikan di China diikuti dengan mengimport tenaga pengajar dan bahan bacaan dari China. Hasilnya, ada persamaan budaya antara orang Cina di China dan Tanah Melayu sehingga Perang Dunia II. Dalam kajian Ku Hung-ting (2003: 1), sarjana sejarah di Taiwan, tentang pembentukan identiti orang Cina dalam konteks pendidikan sekolah menengah Cina di Malaysia, beliau mendapati bahawa selepas Perang Dunia II telah bangkit nasionalisme di kalangan penduduk tempatan di Asia Tenggara di satu pihak, dan perasaan “anti-Cina” sehingga mengusir orang Cina dari beberapa buah negara di rantau ini di satu pihak yang lain. Nasionalisme orang Cina di Tanah Melayu berkilat ke China dipengaruhi politikus, revolusionis dan reformis dari China, seperti Kang You Wei, Liang Chi Chou dan Sun Yet-Sen. Sehubungan itu, interaksi antara orang Cina di Tanah Melayu dengan orang Melayu telah membuat orang Cina sedar untuk mereka mempertahankan budaya dan bahasa mereka, selain menunjukkan

identifikasi mereka, sama ada taat setia kepada China atau Tanah Melayu. Ku (2003) juga mendapati pendidikan dalam bahasa Cina itu penting dalam mewarisi budaya Cina kepada orang generasi muda. Selain membakar nasionalisme di kalangan orang Cina, pendidikan dalam bahasa ibunda berhubung rapat dengan pewujudan dan pengembangan kesedaran politik mereka.

Secara ontologi, Ku yang mengkaji institusi sosial dalam pembentukan identiti itu telah memberi perhatian kepada institusi pendidikan dan politik. Beliau mendapati budaya Cina hanya boleh dikekalkan dan dikembangkan dengan bahasa Cina memandangkan orang Cina di Tanah Melayu, bukan sahaja terpisah dari China, tetapi juga rakyat dalam kerajaan British dan juga kerajaan Malaysia yang didominasi orang Melayu. Sehubungan itu, sekolah Cina perlu kekal agar orang Cina dapat mempelajari bahasa dan budaya Cina untuk seterusnya mengekalkan identiti mereka. Ku juga mendapati perkembangan pendidikan orang Cina adalah selari dengan dasar pemerintah yang ada.

Dalam kajiannya, Ku banyak menggunakan bahan sekunder, termasuk majalah terbitan tahunan sekolah, laporan kerajaan dan keratan akhbar pasca Perang Dunia II dan juga empat buah sekolah menengah Cina (dua di Johor dan dua di Kuala Lumpur). Kajian Ku itu didapati lebih banyak membincangkan pengaruh politik daripada pelaksanaan dasar kerajaan dan reaksi serta peranan pemimpin orang Cina dalam MCA, Dong Zong (United Chinese School's Committee Association), Jiao Zong (United Chinese School's Teacher Association) dan Dong Jiao Zong ke atas perkembangan sekolah menengah Cina dan kurang memperkatakan soal identiti.

PENGETAHUAN IDENTITI CINA JENIS "ACTOR-ORIENTED"

Pengetahuan dalam epistemologi ini lebih mengutamakan peranan individu. Dari segi ontologi, penyelidik tadi mendapati sifat sosial sentiasa berubah dengan individu kerap membentuk semula realiti mereka melalui interaksi masyarakat. Perubahan itu disebabkan individu sentiasa memberi tafsiran baru ke atasnya. Ini bermakna individu dalam masyarakat bukan sahaja aktif, tetapi juga kreatif dalam mendefinisikan apa yang dianggap benar. Ini juga bermakna mereka sentiasa mentafsir realiti sosial, malahan mengubah dan membaikinya dalam interaksi mereka.

Dari segi epistemologi, realiti sosial terfokus pada bagaimana individu melihat dan mengkonsepsikan fenomena sosial, lebih-lebih lagi interaksi mereka. Sehubungan itu, penyelidik perlu mengkaji kehidupan individu untuk memahami tafsiran mereka tentang fenomena sosial. Penyelidik biasanya memulakan kajian dengan mengumpul maklumat tertakluk kepada definisi dan persepsi mereka tentang subjek kajian dengan menggunakan kaedah yang sesuai agar tafsiran itu tidak tercemar.

Menggunakan pendekatan itu, dalam kajiannya tentang identiti budaya orang Cina di Pulau, Kelantan, Carstens (1983: 82) menyatakan, "...A more dynamic understanding of the multi-ethnic cultures in Southeast Asia must be based not only on observations of large-scale political manoeuvres between ethnic groups but also on detailed investigations of local perceptions of cultural identities" Maknanya identiti etnik tumpukan perhatian kepada sebilangan kecil sifat yang bertentangan antara dua kaum. Identiti budaya akan kelihatan daripada pengalaman yang menyeluruh dalam interaksi, sama ada dengan orang dalam atau luar. Identiti budaya juga boleh berdasarkan alternatif yang berlainan untuk mendefinisikan diri dengan sesuatu kumpulan. Alternatif identiti ini boleh dimanipulasikan individu yang selanjutnya boleh menekan sesuatu aspek identiti mengikut keperluan keadaan semasa. Menurut Cartens, kajian lokal adalah cara yang paling sesuai untuk memahami identiti budaya itu.

Itulah yang dilakukan Cartens (1983 & 2005) yang mengkaji interaksi dan persepsi penduduk di Pulau, Kelantan, berhubung perayaan hari jadi Guan Yin, dewi pujian, dalam kepercayaan Cina. Daripada kajian itu, Cartens mewujudkan empat peringkat identiti: *Malaysian*, *Chinese Malaysian*, *Hakka Chinese Malaysian* dan *Pulai Hakka Chinese Malaysian*, berdasarkan definisi dan persepsi penduduk. Untuk menyempurnakan analisisnya, Cartens (1983) menggunakan fakta sejarah dengan menunjukkan identiti budaya berubah mengikut peringkat interaksi, sekalipun identiti *Hakka Chinese Malaysian* tidak diutamakan orang Cina di Pulau.

Seterusnya, Nonini (1997) juga telah mengkaji identiti orang Cina di sebuah bandar orang Cina di utara Semenanjung Malaysia dengan melihat identiti mereka sebagai realiti yang dinamik, maka berubah-ubah. Subjek kajiannya adalah orang Cina yang dianggapnya sebagai *nonelite*, iaitu orang Cina yang tidak berjaya dalam ekonomi, maka pernah menjadi pekerja haram di luar negara. Beliau melihat pembentukan identiti sebagai hasil interaksi perlakuan antara lokal dengan translokal dan juga nasional dengan transnasional. Dalam kajiannya, beliau memberi pertimbangan kepada peranan kelas, nasional dan jantina yang mempengaruhi kelakuan individu. Kesemua faktor itu mempengaruhi budaya-politik yang menetapkan identiti individu, terutamanya mereka yang berpindah dari satu tempat ke satu tempat dalam proses transnasional.

Dalam proses diaspora, orang Cina berjaya melampaui faktor tersebut dengan khayalan mereka terhadap kuasa sehinggakan dapat mewujudkan daya khayalan untuk mengawal isteri dan anak perempuan. Bagi orang Cina Malaysia *nonelite*, mobiliti transnasional mewakili bentuk kuasa yang bertentangan dengan *power-knowledge*. Fokus *power-knowledge* adalah pada tiga *regime* atau bidang kuasa pentadbiran: keluarga, tempat kerja dan negara-bangsa. Pengetahuan tentang identiti dalam tulisannya adalah berdasarkan tafsirannya ke atas tafsiran responden, selain pengamatannya ke atas interaksi respondennya dalam konteks sosial di bawah kuasa pentadbiran atau *regime* yang berlainan.

Walaupun ada jangkakan sosial ke atas *master status* pelaku, mereka juga dipengaruhi *regime* lain. Pelaku sosial perlu tahu situasi semasa untuk mengawal kuasa *regime* lain yang ingin mempengaruhinya. Dengan kata lain, kuasa pentadbiran suatu *regime* juga dipengaruhi kuasa *regime* lain.

Tumpuan analisis Nonini adalah kepada keupayaan pelaku sosial. Dengan menggunakan konsep kuasa imaginari, dia menganalisis bagaimana pelaku dapat mengawal orang lain, bagaimana pelaku bertindak bila tertekan oleh kuasa pentadbiran atau dalam sesuatu *regime*, dan bagaimana mereka mengelakkan diri mereka dikawal oleh *regime* tersebut dan sebaliknya cuba mengawal orang lain yang dianggap lebih lemah atau rendah status.

Juga menurut Nonini, *regime-regime* yang difokuskan dalam kajian adalah saling berhubung. Subjek kajiannya, *Chinese transnationalists*, dikaji sebagai pelaku sosial yang bertindak untuk menolak kuasa yang cuba mengawal mereka berdasarkan kuasa lokas *regime* dan pada masa yang sama mereka cuba mengawal individu lain yang dianggap boleh didisiplinkan seperti isteri dan anak perempuan mereka. Tindakan atau *practices* yang strategik ini dianggap sebagai hasil imaginari pelaku ke atas kuasa dan keinginan.

Sebagai kesimpulan, Nonini cuba mengkaji perpindahan identiti (*shifting identities*) dalam bentuk tindakan pelaku sosial yang wujud dalam suatu ruang yang boleh dipengaruhi kuasa-kuasa struktur yang wujud dalam institusi seperti keluarga, ekonomi dan politik. Beliau juga mengkaji fikiran pelaku, iaitu dari segi imaginari dan keinginan dari segi kelas dan juga *gender* yang boleh mempengaruhi tindakan mereka supaya wujud suatu ruang bagi mereka mengawal pelaku sosial yang lain.

RUMUSAN

Identiti orang Cina di Malaysia adalah perkara rumit berlatarbelakangkan perkembangan Tanah Melayu dan China. Isu pengekalan dan perubahan identiti orang Cina telah dibincangkan melalui dua perspektif atau paradigma yang utama, iaitu teori agensi dan teori struktural, dalam kajian sains sosial. Kedua-dua perspektif tersebut mempunyai logik yang tersendiri dalam menghasilkan pengetahuan sosial. Sehubungan itu, Anthony Giddens cuba mencantumkan kedua-duanya untuk mendapatkan model yang lebih sempurna melalui teori *structuration* (Layder 1994).

Di Malaysia, pengetahuan tentang identiti orang Cina dan pembentukannya masih cenderung kepada pemikiran *structuralist* dan *essentialist*. Ini bermakna identiti orang Cina dan pembentukannya adalah berdasarkan skop kajian penyelidik, lebih-lebih lagi interpretasi mereka ke atas bahan pilihan. Walaupun kebanyakannya tidak mengikut urutan logik yang jelas, kajian itu telah menghasilkan maklumat dan huraian yang menarik untuk kita memahami identiti orang Cina di Malaysia dan pembentukannya. Memandangkan identiti orang Cina, sama ada yang bersifat *author-oriented* atau *actor-oriented*, itu rumit,

tertakluk kepada keadaan lagipun tidak homogen, maka adalah penting bagi penggubal dasar negara mengambil kira realiti itu dalam proses dan usaha pembinaan Bangsa Malaysia.

RUJUKAN

- Carstens, Sharon A. 1983. Pulau Hakka Chinese Malaysian: A Labyrinth of Cultural Identities. Dlm. Gosling, L. A. Peter & Lim, Linda Y. C. (pnyt.). *The Chinese in Southeast Asia*. Singapore: Maruzen Asia.
- _____. 2005. *Histories, Cultures, Identities: Studies in Malaysian Chinese Worlds*. Singapore: Singapore University Press.
- Chui Kwei-chiang. 1990. *新马华人国家认同的转向 1945-1959 (Perubahan identiti orang Cina Singapura dan Malaya 1945-1959)*. Singapore: Nanyang Xuehui.
- Hara, F. 2003. *Malayan Chinese and China: Conversion in Identity Consciousness 1945-1957*. Singapore: Singapore University Press.
- Hou Kok Chung. 2002. *Malaysian Chinese: Identity, Culture and Ethnic Conflict* Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Study.
- Ku Hung-ting. 2003. *Education and Identity: a Study on Chinese Secondary Education in Malaysia (1945-2000) (教育与认同: 马来西亚华文中学教育之研究 1945-2000)*. Xiamen: Xiamen University Press.
- Layder, Derek. 1994. *Understanding Social Theory*. London: Sage.
- Lee Yok Fee. 2004. Kedinamikan Kecinaan dan Identiti Orang Cina di Malaysia. *SARI*. 22: 167-181.
- Loh, Kok Wah, Francis. 1988. Chinese New Villagers and Political Identity. Cushman, Jennifer W. & Wang, Gungwu (pnyt.). *Changing Identities of the Southeast Asian Chinese since World War II*. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- _____. 2000. Chinese New Villages: Ethnic Identity and Politics. Dlm. Lee, Kam Hing & Tan, Chee-Beng (pnyt.). *The Chinese in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Nagata, Judith. 1995. Chinese Custom and Christian Culture: Implications for Chinese Identity in Malaysia. Dlm. Suryadinata, Leo (pnyt.). *Southeast Asian Chinese: The Socio-Cultural Dimension*. Singapore: Times Academic Press.
- Nonini, D. M. 1997. Shifting Identities, Positioned Imaginaries: Transnational Traversals and Reversals by Malaysian Chinese: 203-227. Dlm. Ong Aihwa & Nonini, D. M. (pnyt.). *Ungrounded Empire: the Cultural Politics of Modern Chinese Transnationalism*. New York: Routledge.
- Shamsul A. B. 1999. Identity Contestation in Malaysia: a Comparative Commentary on 'Malayness' and 'Chineseness'. *Akademika* 55: 17-37.
- Tan, Chee Beng. 1983. Acculturation and the Chinese in Melaka: The Expression of Baba Identiti Today. Dlm. Gosling, L.A. Peter & Lim, Linda Y.C. (pnyt.). *The Chinese in Southeast Asia*. Singapore: Maruzen Asia.
- _____. 1988a. Nation-building and being Chinese in a Southeast Asian state: Malaysia: 139-164. Dlm. Cushman, J. W. & Wang Gungwu (pnyt.). *Changing identities of the Southeast Asian Chinese since World War II*. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- _____. 1988b. *The Baba of Melaka*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.

- _____. 2000. Socio-cultural Diversities and Identities. Dlm. Lee, Kam Hing & Tan, Chee-Beng (pnyt.). *The Chinese in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Water, Malcolm. 1994. *Modern Sociological Theory*. London: Sage.
- Wang, Gungwu. 1988. The Study of Chinese Identities in Southeast Asia. Dlm. Cushman, Jennifer W. & Wang, Gungwu. (pnyt.). *Changing Identities of the Southeast Asian Chinese Since World War II*. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- _____. 1991. *China and the Chinese Overseas*. Singapore: Times Academic Press.
- _____. 1992. *Community and Nation: China, Southeast Asia and Australia*. NSW: Allen & Unwin.

Lee Yok Fee, Ph.D
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Emel: leeyokfee@putra.upm.edu.my